

## **MEDIA INTERAKTIF FORMULA POLA AYAT KATA KERJAAN BAHASA ARAB UNTUK BUKAN PENUTUR**

***INTERACTIVE MEDIA OF ARABIC VERBAL SENTENCES PATTERN  
FORMULA FOR NON-NATIVE SPEAKERS***

**Saipolbarin Ramli<sup>1</sup>**  
**Mohammad Taufiq Abdul Ghani<sup>2</sup>**  
**Mohd Zawawi Awang Hamat<sup>3</sup>**

<sup>1</sup>Faculty of Languages & Communication, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia, (Email: saipolbarin@fbk.upsi.edu.my)

<sup>2</sup>Faculty of Languages & Communication, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia, (Email: taufiq@fbk.upsi.edu.my)

<sup>3</sup>Pusat Bahasa & Pengajian Umum, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia, (E-mail: mohd.zawawi@pbmpu.upsi.edu.my)

**Accepted date:** 10-12-2018

**Published date:** 10-03-2019

**To cite this document:** Ramli, S., Ghani, M. T. A., & Hamat, M. Z. A. (2019). Media Interaktif Formula Pola Ayat Kata Kerjaan Bahasa Arab untuk Bukan Penutur. *International Journal of Humanities, Philosophy, and Language*, 2 (5), 13-24.

---

**Abstrak:** Kemahiran menulis merupakan antara kemahiran yang diajar dalam mata pelajaran bahasa Arab. Sekiranya dilihat dari aspek kaedah penulisan bahasa Arab, ayat kata kerjaan merupakan bentuk ayat yang mudah untuk dikuasai berbanding ayat kata namaan. Namun begitu, data menunjukkan para pelajar masih lagi berhadapan dengan masalah untuk menguasai penulisan ayat kata kerjaan bahasa Arab dengan baik. Keadaan ini berlaku disebabkan amalan penterjemahan langsung yang dilakukan oleh pelajar dari bahasa penutur kepada bahasa Arab. Kajian ini bertujuan untuk menyediakan satu formula dan aplikasi bina ayat kata kerjaan dalam bahasa Arab. Formula yang digunakan merupakan hasil formula sedia ada yang distrukturkan semula dalam bentuk yang lebih mudah dan menarik. Formula ini dikenali sebagai formula buah epal untuk ayat kata kerjaan transitif dan formula pergi ke sekolah untuk ayat kata kerjaan tidak transitif. Kajian ini menggunakan rekabentuk kuasi-eksperimen yang disesuaikan dengan Model instruksional ADDIE dan model Integrasi Shulman. Selain itu, inovasi terhadap formula ini dilakukan dengan menghasilkan aplikasi kit media sebagai medium pengajaran dan pengukuhan terhadap formula yang digunakan. Kit media yang dihasilkan adalah berkesan dalam memudahkan pembelajaran ayat kata kerjaan dalam bahasa Arab. Kit media ini juga boleh digunakan sama ada di peringkat sekolah, institusi pengajian tinggi atau pun orang awam secara atas talian atau luar talian. Penggunaan kit media ini telah dapat mengubah persepsi terhadap pdpc bahasa Arab sebelum ini yang disifatkan sebagai sterotaip, pasif dan hanya berpusatkan kepada guru kepada pdpc yang lebih interaktif dan berpusatkan pelajar dengan penggunaan media teknologi.

**Kata Kunci:** Kit Media; Formula Ayat; Bahasa Arab; Bukan Penutur

**Abstract:** Writing skills are among the skills taught in the subject of Arabic. If we look at the aspect of Arabic language writing methods, verbal sentence is a form of sentence that is easier to be mastered than the nominal sentence. However, data shows that students are still facing problems in mastering the writing of Arabic verbal sentence. This situation occurs due to the practice of direct translation done by the students from the language of the speakers into the Arabic language. The purpose of this study was to prepare a formula and an application for building sentences in Arabic. The formula used was produced from an existing formula that has been restructured into an easier and more interesting form. This formula is known as the apple fruit formula for transitive verb sentences and go-to-school formula for non-transitive verb sentences. This study used the quasi-experimental design adapted to ADDIE's instructional model and Shulman's Integration model. In addition, an innovation towards this formula was done by producing a media kit application as an instructional and reinforcement medium for the formula used. The media kit produced is effective in facilitating the learning of Arabic verbal sentences. This media kit can also be used either at schools, higher learning institutions or by the public, online or offline. The use of this media kit has changed the previous perceptions towards Arabic pdpc as being stereotypical, passive and teacher-centred, to a more interactive and student-centred pdpc with the use of media technology.

**Keywords:** Media Kit; Pattern Formula; Arabic Language; Non-Native Speakers

---

## Pengenalan

Status bahasa Arab sebagai bahasa Asing di Malaysia telah mempengaruhi penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab sama ada pengajian di peringkat sekolah mahu pun institusi pengajian tinggi. Bahasa Arab ini telah diajar di seluruh sekolah, sama ada peringkat sekolah rendah mahu pun sekolah menengah. Selain itu, bahasa Arab juga ditawarkan di peringkat pengajian tinggi awam dan swasta sebagai salah satu kursus teras atau elektif. Pengajaran bahasa Arab sama sama ada di sekolah mahu pun di institusi pengajian tinggi masih lagi berfokuskan kepada pengajaran kepada empat kemahiran utama iaitu kemahiran membaca, kemahiran mendengar, kemahiran bertutur dan kemahiran menulis. Pelbagai usaha telah dilakukan di semua peringkat untuk memastikan para pelajar dapat menguasai bahasa Arab dengan baik. Walau bagaimana pun, data menunjukkan bahawa ramai dalam kalangan pelajar berhadapan dengan masalah untuk menguasai bahasa ini dengan baik (Rahimi Md, Saad et al. 2005). Antara masalah yang dihadapi oleh pelajar ialah penguasaan penulisan teks dalam bahasa Arab. Ramai dalam kalangan pelajar menggunakan metode terjemahan dari bahasa penutur (bahasa Melayu) kepada ayat bahasa Arab. Keadaan ini menyebabkan para pelajar melakukan kesalahan dalam penulisan teks bahasa Arab. Ini kerana struktur ayat yang terdapat dalam bahasa Melayu adalah berbeza dengan struktur ayat yang terdapat dalam bahasa Arab.

Berdasarkan kepada permasalahan penulisan teks dalam bahasa Arab yang dihadapi oleh pelajar di semua peringkat, kajian ini dilakukan bagi mencari formula baru yang dapat membantu pelajar untuk menguasai penulisan teks dalam bahasa Arab. Selain itu, kajian ini juga akan menerapkan nilai-nilai interaktif dan teknologi yang akan menjadikan pdpc lebih berkesan sesuai dengan pendekatan pembelajaran abad ke-21. Kajian ini memberi fokus kepada penulisan teks yang hanya melibatkan ayat kata kerjaan dalam bahasa Arab. Ini kerana struktur ayat kata kerjaan adalah lebih mudah berbanding struktur ayat kata namaan dalam bahasa Arab. Dalam kajian ini, model formula ayat diperkenalkan kepada para pelajar

sebagai satu formula asas untuk membina ayat kata kerjaan dalam bahasa Arab. Model formula pola ayat yang digunakan merujuk kepada kaedah yang diolah semula dari kaedah pengajaran klasik berkaitan dengan struktur ayat yang terdapat dalam bahasa Arab. Model formula ayat yang digunakan melibatkan formula pembentukkan ayat kata kerjaan transitif (*al-Muta'addiy*) dan ayat kata kerjaan tidak transitif (*al-Lazim*).

Setiap ayat yang menggunakan kedua-dua kata kerja ini distrukturkan semula dengan pola perkataan yang terdapat di dalamnya. Kedua-dua pola ayat ini akan dinamakan dengan mengambil contoh ayat yang asas iaitu ayat buat epal untuk pola kata kerja transitif dan ayat pergi ke sekolah untuk pola kata kerja tidak transitif. Pemilihan perkataan buah epal untuk formula contoh pola ayat kata kerjaan transitif diambil bersempena dengan nama seorang sarjana bahasa Arab silam yang masyhur iaitu Sibawehi. Perkataan Sibawehi bermaksud haruman buah epal dalam bahasa Parsi ('Abd al-Salam Harun, 2009). Manakala pola ayat pergi ke sekolah pula digunakan sebagai contoh formula ayat kata kerjaan tidak transitif kerana perkataan sekolah itu merupakan perkataan yang dekat dengan pelajar. Penggunaan kedua-dua formula pola ayat yang mudah ini diharapkan dapat memudahkan pelajar untuk mengingatinya. Peringkat seterusnya ialah membangunkan media interaktif yang dapat mengintegrasikan formula pola ayat kata namaan dalam bentuk kit media. Kit media yang dibangunkan ini bertindak sebagai pembolehubah yang turut mempengaruhi keberkesanannya dan kejayaan pdpc tajuk berkaitan dengan pembentukkan ayat kata kerjaan dalam bahasa Arab. Selain itu, dalam menentukan kejayaan sesuatu pdpc, ia dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang juga bertindak sebagai pembolehubah. Ini kerana satu amalan pengajaran dan pembelajaran dalam satu bilik darjah tidak semestinya akan berjaya juga dalam bilik darjah yang lain. Ia dipengaruhi oleh banyak faktor seperti kesediaan guru, tahap pencapaian murid, bahan sumber pengajaran yang digunakan dan waktu mengajar (N.S. Rajendran, 2001).

### **Pernyataan Masalah**

Program Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dengan pendidikan adalah antara program yang ditawarkan oleh Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Semenjak bermula penawarannya pada tahun 2008 sehingga kini, program ISM Bahasa Arab dengan Pendidikan telah melahirkan ramai graduan guru yang kini berkhidmat di sekolah-sekolah seluruh Malaysia. Sepanjang tempoh itu juga telah memperlihatkan permasalahan dalam kalangan pelajar dalam menguasai bidang penulisan teks bahasa Arab (Nazri, et al. 2014). Walaupun para pelajar ini menguasai dengan baik formula-formula sintaksis, leksikal dan morfologi, tetapi mereka gagal untuk mengaplikasikannya dalam tulisan teks untuk membina ayat gramatis mengikut struktur nahu yang betul. Perihalan ini dapat dilihat dengan jelas dalam artikel penulisan para pelajar dalam projek tahun akhir. Antara punca yang menyebabkan pelajar sering kali melakukan kesalahan dalam penulisan teks adalah kerana kebanyakan pelajar melakukan aktiviti terjemahan dalam membina ayat dari bahasa Melayu yang merupakan bahasa penutur ke bahasa Arab yang merupakan bahasa kedua pelajar. Aktiviti terjemahan ini tidak mengambil kira kaedah yang terdapat dalam struktur ayat dari kedua-dua bahasa tersebut (Saipolbarin, 2006). Selain itu, kebanyakan pelajar juga tidak dapat membezakan pola ayat kata namaan dan pola ayat kata kerjaan dalam bahasa Arab. Keadaan ini menyebabkan pelajar menghadapi kesukaran untuk mengkonstruksikan leksikal ketika membina sesuatu ayat secara gramatis (Zainol, 2003).

Sementara itu menurut Maimun Aqsha Lubis (1997), kebanyakan guru bahasa Arab mengajar dengan menggunakan pendekatan tradisional iaitu menggunakan buku teks semasa mengajar pemahaman, pengajaran tatabahasa dengan menggunakan teknik latih tubi lisan secara mekanikal. Selain itu guru menyampaikan pengajaran kepada seluruh kelas dengan secara

langsung dan pelajar hanya memberi tindakbalas yang sepatutnya sahaja. Pendekatan ini juga dikenali dengan pendekatan strukturalis iaitu proses pengajaran dan pembelajaran hanya memberi fokus dari aspek nahu dan tatabahasa sahaja (Sharifah, 1986). Manakala menurut Raminah (1987), pendekatan pengajaran tradisi yang stereotaip menjadikan pelajar merasa bosan kerana sifatnya yang dingin dan beku. Kebanyakan guru bahasa Arab sama ada di sekolah atau pusat pengajian tinggi, mereka lebih cenderung untuk menggunakan teknik pengajaran klasik yang hanya tertumpu kepada proses pengajaran nahu, hafazan dan terjemahan. Proses pengajaran pula lebih berpusatkan kepada guru berbanding pelajar. Untuk menghasilkan kemahiran bahasa yang berkesan, pendekatan yang sedia ada perlu diolah semula di samping memperkenal pendekatan baru yang lebih efektif khususnya berkaitan dengan kemahiran penulisan. Hasil daripada inovasi pendekatan pengajaran dalam bahasa Arab dan disokong oleh kefahaman sedia ada pada pelajar, penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab dapat dipertingkatkan (Saipolbarin, 2006). Ini kerana penguasaan pelajar yang baik dalam dalam tatabahasa sahaja tidak dapat menjamin pelajar tersebut dapat menggunakaninya dengan cara yang betul sekiranya tidak disertakan dengan kaedah yang sesuai dan berkesan. Oleh itu, kajian ini akan mempraktikkan satu formula baru dalam proses pengajaran pembentukkan ayat kata kerjaan dalam bahasa Arab yang menggunakan pendekatan formula pola ayat. Formula ini dicadangkan dijadikan sebagai satu modul bagi memahirkan pelajar untuk menguasai penulisan teks bahasa Arab dalam membentuk ayat-ayat bahasa Arab yang lebih berstruktur dan gramatis. Diharapkan dengan hasil kajian ini juga dapat memberi satu suntikan baru dalam proses pengajaran bahasa Arab yang selama ini lebih bersifat tradisi dan stereotaip kepada pembelajaran abad ke-21.

### **Kajian Literatur**

Bahagian tinjauan literature dalam kajian ini hanya memberi fokus kepada kajian yang berkaitan dengan penggunaan teknologi, media interaktif dan ICT dalam pengajaran bahasa Arab. Ini kerana, tiada kajian secara fokus terhadap penggunaan model formula pola ayat bagi pengajaran ayat kata kerjaan dalam bahasa Arab. Antara kajian berkaitan dengan penggunaan ICT dalam pengajaran bahasa Arab ialah kajian bertajuk “Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Berasaskan Web” oleh Rahimi Md Saad et al, (2005) membincangkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dengan menggunakan laman sesawang internet. Dalam kajian ini, penulis membincangkan tentang teori-teori yang berkaitan dengan pembelajaran dan pengajaran yang melibatkan penggunaan laman web serta perkembangannya. Menurut penulis, antara teori yang mendasari pembelajaran laman web ialah teori Dick dan Carey (Rapidah 2002) yang berasaskan kepada proses pengajaran bermula dari pengetahuan subjek dan terus kepada objektif. Selain itu, empat model yang diperkenalkan oleh Brunner sesuai untuk diserasikan dengan penggunaan ICT atau laman web sebagai bahan pembelajaran mereka. (Rapidah 2002). Selain itu, kajian ini turut membincangkan objektif pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab dengan menggunakan laman web. Secara keseluruhan penggunaan laman web dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab memberi impak yang positif kepada pelajar, guru dan juga mata pelajaran bahasa Arab itu sendiri. Selain itu, dalam kajian ini juga menyenaraikan laman-laman web yang menyediakan modul pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab dari dalam dan luar negara. Laman web ini sama ada menggunakan medium penghantar bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Di akhir kajian ini, penulis menyatakan masalah dan cabaran yang dihadapi dalam usaha untuk mengaplikasi penggunaan web dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah di Malaysia. Secara keseluruhan, kajian ini boleh dikategorikan sebagai kajian rintis berkaitan dengan penggunaan laman web dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah di Malaysia. Dalam kajian ini, penulis lebih tertumpu kepada penggunaan kemudahan laman web yang telah sedia ada di

medium internet tanpa fokus kepada penghasilan laman web berkaitan dengan pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab. Walau bagaimana pun, kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada penulis berkaitan dengan teori-teori pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab di laman-laman web internet.

Kajian yang dilakukan oleh Ashinida Aladdin et al, (2004) yang bertajuk “Penggunaan PBBK (Pembelajaran Bahasa Berbantuan Komputer) dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab sebagai bahasa asing: Satu tinjauan awal” adalah kajian lain yang berkaitan dengan tajuk pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab yang menggunakan komputer sebagai bahan bantu mengajar. Dalam kajian ini, penulis membincangkan perihalan PBBK yang menggunakan medium komputer. Di awal kajian ini, penulis menyatakan sejarah perkembangan PBBK dalam bidang bahasa yang bermula seawal era 60an. Penulis juga menyatakan bahawa terdapat tiga fasa yang terlibat dalam perkembangan PBBK bahasa iaitu fasa behaviorisme, fasa komunikatif dan fasa intregratif. Selain itu, penulis juga membincangkan tentang kajian-kajian terdahulu yang pernah dilakukan berkaitan dengan tajuk PBBK bahasa Arab. Analisis data dalam kajian ini melihat kepada skop penggunaan komputer dalam kalangan guru ketika aktiviti pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab di sekolah. Kajian ini tidak membincangkan perihalan penghasilan bahan-bahan yang berpandukan kepada penggunaan komputer seperti perisian komputer, tetapi sebaliknya fokus kepada penggunaan bahan yang telah sedia ada.

Antara kajian lain yang mempunyai kaitan dengan penggunaan kit media dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab adalah kajian “Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-QAF” oleh Siti Fatimah Ahmad et al, (2010). Walau pun kajian ini hanya berkisarkan kepada persepsi guru ketika aktiviti pembelajaran dan pengajaran j-QAF, ia juga turut membincangkan perihalan penggunaan teknologi multimedia secara tidak langsung. Hasil daripada kajian ini jelas menunjukkan bahawa walaupun penggunaan kit media dapat menarik minat pelajar dalam pembelajaran dan pengajaran di samping dapat membantu memudahkan kefahaman para pelajar, tetapi penggunaannya adalah tidak menyeluruh. Permasalahan ini timbul disebabkan oleh faktor guru dan faktor prasarana yang disediakan. Kajian ini juga menunjukkan walaupun peratus minat guru untuk menggunakan multimedia dalam pembelajaran dan pengajaran adalah tinggi, tetapi dalam waktu yang sama peratus menunjukkan tahap penguasaan medium multimedia dalam kalangan guru adalah rendah. Kajian yang dilakukan oleh Nurkholis (2015) bertajuk “Penggunaan Media Dalam Pembelajaran bahasa Arab” adalah antara kajian dari luar negara yang berkaitan dengan pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab dan medium media. Kajian ini lebih kepada kajian berbentuk literasi yang membincangkan tentang peranan media dalam pengajaran bahasa Arab. Selain itu, kajian ini juga membincangkan perihalan penggunaan media yang mempengaruhi pembelajaran bahasa Arab dari aspek psikologi. Data yang dilaporkan juga menunjukkan peratus penggunaan medium media sedia ada yang digunakan oleh guru dalam aktiviti pembelajaran bahasa Arab.

Kajian seterusnya dilakukan oleh Nur Syamira Abdul Wahab et al, (2017) bertajuk “Kefahaman Al-Quran Dan Jawi Melalui Permainan Bahasa Bermultimedia” membincangkan perihalan penggunaan permainan bahasa yang berkonsepkan multimedia dalam memahami ayat Al-Quran dan tulisan jawi. Kajian ini adalah untuk melihat keberkesanan penggunaan permainan bahasa bermultimedia dalam p&p subjeks Pendidikan Islam yang merangkumi kemahiran jawi dan memahami maksud ayat Al-Qur'an. Penggunaan permainan bahasa bermultimedia dalam kajian ini dianggap sebagai elemen yang

boleh meransang KBAT dalam kalangan pelajar. Walau pun begitu, kajian ini tidak tertumpu kepada p&p bahasa Arab secara terperinci, tetapi bahasa Arab dalam kajian ini merajuk kepada makna ayat-ayat Al-Qur'an yang terdapat dalam sukan subjeks Pendidikan Islam. Walaupun begitu, teori dan metodologi yang digunakan dapat dijadikan sebagai panduan dalam kajian yang dilakukan oleh penulis.

Kajian lain berkaitan dengan kit media bahasa Arab ialah kajian yang dilakukan oleh Nurul Afifah Mohammad Saadan et al, (2015) bertajuk "Penggunaan Ez-Arabic Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Kanak-Kanak". Ez-Arabic ini adalah satu instrumen kit media yang digunakan dalam p&p bahasa Arab untuk kanak-kanak. Kajian ini lebih kepada aspek keberkesaan penggunaan kit media sebagai salah satu BBM yang digunakan untuk meransang aktiviti p&p pada kanak-kanak. Kajian yang dilakukan ini dapat dijadikan sebagai asas untuk pengkaji melengkapkan kajiannya. Walau pun kajian yang dilakukan ini tidak bersifat menyeluruh dalam melibatkan integrasi elemen KBAT dan instrumen kit media dalam p&p bahasa Arab, tetapi teori dan metodologi yang digunakan dapat membantu dalam menyiapkan kajian ini.

### **Metodologi Kajian**


Kajian ini dijalankan dalam dua rekabentuk iaitu kajian berbentuk deskriptif dan kajian berbentuk kuasi-eksperimen. Kedua-dua rekabentuk kajian ini merujuk kepada Model Instruksional ADDIE dan Model Integrasi Shulman (1986). Model ADDIE adalah berlandaskan behaviorisme, cetusan idea yang dikembangkan oleh Dick dan Carey (1996) untuk merancang sistem pembelajaran. Proses kerja yang terlibat dalam kajian ini merangkumi proses menganalisis masalah dan isu iaitu melibatkan masalah penguasaan pelajar dalam penulisan teks ayat kata kerjaan dalam bahasa Arab. Langkah seterusnya ialah mereka-bentuk instrument yang akan digunakan dalam kajian ini iaitu formula pola ayat buah epal dan formula pola ayat pergi ke sekolah. Peringkat seterusnya ialah membangunkan model formula pola ayat buah epal dan pola ayat pergi ke sekolah yang berasaskan penggunaan kit media untuk aktiviti pdpc bahasa Arab. Setelah model kit media ayat buah epal dan ayat pergi sekolah siap dibangunkan, kit media ini akan digunakan dalam aktiviti pdpc pembentukkan ayat kata kerjaan dalam bahasa Arab. Keberkesanan penggunaan model kit formula ayat dalam aktiviti pdpc ini seterusnya dinilai pada setiap kali selesai waktu pdpc. Keberkesanan penggunaan kit media ini dianalisis dengan menggunakan data yang diperolehi sepanjang aktiviti pdpc yang melibatkan aktiviti pengukuhan dan penilaian terhadap pdpc yang telah dijalankan.

Kajian ini juga melibatkan tiga peringkat. Peringkat pertama adalah menganalisis masalah penulisan teks dalam kalangan pelajar. Peringkat kedua pula adalah merekabentuk dan mengolah satu modul baru dalam pengajaran penulisan teks bahasa Arab iaitu formula pola ayat. Peringkat yang ketiga pula ialah membangunkan model kit media untuk digunakan dalam pdpc pembentukkan ayat kata kerjaan dalam bahasa Arab. Untuk menganalisis masalah penulisan teks dalam kalangan pelajar, langkah pertama yang dilakukan adalah menganalisis keperluan pelajar terhadap pembelajaran pola ayat. Analisis keperluan ini menjadi asas kepada modul pengajaran pola ayat. Ini kerana sekiranya keperluan pelajar telah dapat dikenalpasti pada peringkat awal, maka proses penggubalan sukan pelajaran dan pemilihan kaedah yang bersesuaian menjadi lebih mudah (Asmah Omar, 2004). Kaedah yang digunakan pada peringkat ini adalah melakukan kajian lapangan dalam bentuk soalselidik. Instrumen soalselidik yang digunakan meliputi soalan-soalan yang berkaitan dengan latar belakang pelajar dan masalah-masalah yang dihadapi ketika membina ayat yang melibatkan aspek leksikal, morfologi dan sinteksis yang disesuaikan daripada kajian Hansen (2013).

Pada peringkat ini, analisis keperluan yang dilakukan adalah berfokuskan kepada persepsi pelajar sahaja terhadap keperluan dan masalah yang mereka hadapi dalam proses membina ayat dalam bahasa Arab.

Langkah seterusnya adalah mengenal pasti aspek-aspek kelemahan dan kesilapan yang sering dilakukan oleh pelajar dalam pembentukan ayat bahasa Arab. Dalam langkah ini juga memperlihat masalah sebenarnya yang dihadapi oleh pelajar dalam proses pembinaan ayat dalam bahasa Arab. Untuk tujuan itu, satu set ujian diagnostik dijalankan kepada pelajar yang merangkumi aspek leksikal, morfologi dan sintaksis. Bentuk ujian yang digunakan ialah ujian membina ayat berpandukan perkataan dan arahan yang diberikan dan ujian membetulkan ayat yang salah untuk menjadi ayat yang lebih gramatis. Berdasarkan ujian diagnostik ini, aspek-aspek kelemahan pelajar dalam proses membina ayat dapat dikenalpasti seperti aspek kelemahan penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab, aspek penguasaan struktur-struktur dalam bahasa Arab, morfologi Arab dan sebagainya. Seterusnya berdasarkan kepada analisis yang telah dilakukan, ia akan dapat membantu guru untuk merancang penggunaan kaedah yang sesuai semasa dalam proses pengajaran dalam kelas.

Peringkat kedua adalah membangunkan satu modul baru dalam pengajaran penulisan teks bahasa Arab iaitu formula pola ayat. Pada peringkat ini, teori pendidikan sosial atau neobehaviorisme diaplikasikan bagi melaksanakan pengajaran modul pola ayat. Teori sosial merupakan gabungan antara teori behaviorisme dengan kognitif yang terkenal dengan pendekatan bahawa proses pembelajaran melalui modul pemodelan akan melalui proses pemerhatian dan peniruan. Albert Bandura (1986) adalah antara tokoh dalam teori ini yang mengemukakan pendapat bahawa dalam proses pembelajaran melalui pendekatan model, terdapat empat unsur utama yang diterapkan iaitu unsur perhatian, mengingat, penghasilan dan pengukuhan. Aktiviti pengajaran membina ayat berdasarkan kepada modul formula pola ayat adalah berpandukan kepada model dan proses yang terdapat dalam teori sosial. Manakala peringkat ketiga pula membangunkan model kit media dengan merujuk kepada model intruksional ADDIE. Selain itu, model integrasi Shulman juga dijadikan asas dalam proses membangunkan kit media ini dengan menerapkan elemen-elemen kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan pelajar. Keadaan ini secara tidak langsung akan menjadikan kit media yang dihasilkan bersifat interaktif untuk digunakan oleh pelajar. Kit media ini digunakan dalam aktiviti pdpc bahasa Arab yang melibatkan tajuk berkaitan membina ayat kata kerjaan dalam bahasa Arab. Peringkat yang terlibat dalam keseluruhan kajian ini ditunjukkan dalam kerangka teoritikal seperti dalam rajah 1:



Rajah 1: Kerangka Teoritikal Kajian

### **Model Kit Media Formula Ayat Kata Kerjaan**

Model kit-media formula pola ayat kata kerjaan dalam bahasa Arab ini melibatkan enam kompenan utama iaitu formula keseluruhan ayat kata kerjaan dalam dalam bahasa yang terdiri daripada ayat buah epal dan ayat pergi ke sekolah. Kompenan kedua pula ialah kategori perkataan dalam kumpulan buah epal dan kategori perkataan dalam kumpulan pergi ke sekolah. Kompenan seterusnya ialah membina ayat kata kerjaan transitif berdasarkan formula pola ayat buah epal dan ayat kata kerjaan tidak transitif berdasarkan formula pola ayat pergi ke sekolah. Kedua-dua kategori ayat ini dipaparkan bersama-sama contoh untuk ayat bagi enam kata ganti diri iaitu tiga untuk kategori *al-Tazkir* (هو، هما، هم) dan tiga lagi untuk kategori *al-Ta'nith* (هي، هما، هن). Kompenan kelima pula adalah latihan pengukuhan berkaitan dengan kedua-dua jenis kata kerjaan ini. Manakala kompenan keenam adalah latihan pengukuhan pembinaan ayat kata kerjaan untuk kedua-dua jenis kata kerjaan ini.

Model kit media yang dibangunkan ini juga menggabungkan elemen audio dan gamifikasi yang bertujuan untuk menarik perhatian pelajar di samping untuk membina suasana didik hibur dalam aktiviti pdpc bahasa Arab. Konsep gamifikasi dalam aktiviti pdpc secara tidak langsung dapat membantu merangsangkan minat pelajar terhadap sesuatu topik. Dari sudut yang lain, terdapat banyak kajian berkaitan dengan gamifikasi bahasa secara maya dalam proses meningkatkan tahap penguasaan pelajar dalam menguasai bahasa kedua. Gamifikasi bahasa menggunakan medium maya ini berperanan dalam membantu meningkatkan penguasaan pelajar dalam menguasai bahasa Arab secara efektif. (Hamizul Mohd, Nik Mohd Rahimi, 2015; Brom et al. 2011; Huang et al. 2010; Ridha Darmawaty & H. Ahmad Husaini HA. 2016). Penggunaan gamifikasi bahasa secara maya juga telah dilakukan dalam meningkatkan kemahiran pelajar dalam menguasai bahasa kedua. Selain itu, penggunaan gamifikasi bahasa secara maya juga dapat menarik perhatian (Ebner & Holzinger 2007; Malone 1980) di samping meningkatkan motivasi (Burgillo 2010; Dickey 2010; Harris & Reid 2005; Miller et al. 2011) kepada pelajar untuk mempelajari bahasa kedua ini. Gamifikasi bahasa secara maya juga dapat membantu perkembangan kognitif dan social dalam kalangan kanak-kanak. (Yien et al. 2011).

Selain itu, elemen audio digunakan bersama-sama dengan visual teks untuk menerangkan tentang formula pola ayat kata kerjaan dalam bahasa Arab. Kedua-dua elemen ini (audio dan visual) digunakan secara serentak dengan mengambil kira untuk memahirkan pelajar membaca, mendengar dan menyebut setiap kata kerjaan dan ayat kata kerjaan yang digunakan. Model kit media yang dibangunkan ini juga boleh dicapai oleh guru dan pelajar secara atas talian dan luar talian. Keadaan ini bertujuan untuk membina sifat kendiri pelajar dalam mempelajari ayat kata kerjaan dalam bahasa Arab. Kit media ini juga boleh dicapai tidak hanya semasa berada di dalam kelas, tetapi para pelajar boleh mencapainya di mana sahaja mereka berada dengan mempunyai kemudahan internet untuk penggunaan atas talian dan cakera padat untuk capaian luar talian.

Formula pola yang dibina dalam modul ini hanya melibatkan model formula pola ayat kata kerjaan yang melibatkan kata kerjaan transitif dan kata kerjaan tidak transitif. Model formula pola ayat kata kerjaan dibina sebagai panduan kepada pelajar untuk membina ayat kata kerjaan dalam bahasa Arab. Untuk membina model formula pola ayat ini, pelajar didedahkan dengan formula pola ayat yang telah diolah semula. Formula pola ayat yang diberikan ialah formula ayat kata kerjaan yang menggunakan kata kerja transitif dinamakan sebagai ayat “buah epal” dan ayat kata kerjaan yang menggunakan kata kerja tidak transitif dinamakan sebagai ayat “ayat pergi sekolah”. Pelajar diminta untuk memerhatikan struktur yang terdapat dalam kedua-dua jenis ayat ini. Seterusnya pelajar didedahkan pula dengan beberapa contoh

ayat lain yang berasaskan ayat buah epal dan ayat pergi ke sekolah sehingga mereka dapat memahami dan menguasainya dengan baik. Jadual dibawah menunjukkan struktur pola kata yang terdapat dalam kedua-dua jenis ayat ini:

**Jadual 1: Ayat Buah Epal**

المفعول به	الفاعل	ال فعل
النفحة	الطالب	أكل
buah epal	seorang pelajar lelaki	telah makan

Ayat dalam jadual 1 adalah formula pola ayat yang digunakan sebagai panduan kepada pelajar untuk membina ayat kata kerjaan transitif. Objek buah epal dalam ayat ini dijadikan sebagai kata kunci untuk jenis ayat ini. Ayat ini dinamakan dengan ayat buah epal untuk memudahkan pelajar mengingati formula pola ayat yang diberikan.

**Jadual 2: Ayat Pergi Ke Sekolah**

اسم المجرور	حرف الجار	الفاعل	ال فعل
المدرسة	إلى	الطالب	ذهب
sekolah	Ke	seorang pelajar lelaki	telah pergi

Ayat dalam jadual 2 adalah formula pola ayat yang digunakan sebagai panduan kepada pelajar untuk membina ayat kata kerjaan tidak transitif. Struktur pola ayat pergi ke sekolah dalam ayat ini dijadikan kata kunci untuk jenis ayat ini. Ayat ini dinamakan dengan ayat pergi ke sekolah untuk memudahkan pelajar mengingati formula pola ayat yang diberikan.

Setelah peringkat pemerhatian dilakukan, pelajar diminta untuk mengingati semula formula-formula yang telah diberikan. Pelajar seterusnya dilatih secara berulang kali dengan menggunakan pendekatan inkuiри terbimbing. Pelajar diminta untuk membuat ayat berdasarkan kepada kosa kata yang terdapat dalam modul dan juga kosa kata tambahan yang diberikan oleh guru. Bagi mengukur tahap kefahaman dan penguasaan pelajar terhadap formula pola ayat ini, latih tubi dilakukan secara berterusan. Pada peringkat ini, pelajar sekadar perlu meniru semula struktur yang terdapat pada formula pola ayat bagi kedua-dua jenis ayat ini dan seterusnya mengaplikasikannya pada pembentukan ayat kata kerjaan yang lain. Setelah melalui dua proses ini, pelajar akan melalui proses yang seterusnya iaitu proses penghasilan. Pada peringkat ini, pelajar dikehendaki membina ayat-ayat berkaitan berpandukan formula-formula yang telah didedahkan pada peringkat sebelum ini. Dalam erti kata lain, pelajar membina ayat dengan cara meniru semula struktur-struktur ayat yang telah diberikan oleh guru. Bezanya pada peringkat ini pelajar membina ayat dengan menggunakan perkataan mereka sendiri. Aktiviti ini akan dipantau sepenuhnya oleh guru. Seterusnya guru akan bertindak dengan melakukan aktiviti pengukuhan terhadap aktiviti pelajar. Setiap ayat yang betul, tindak balas pengukuhan secara langsung dilakukan seperti memberi pujian kepada pelajar. Keadaan ini akan dapat meningkatkan motivasi pelajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Manakala untuk ayat yang masih lagi terdapat kesalahan, aktiviti pemulihan akan dilakukan oleh guru sehingga pelajar dapat menguasai dengan baik topik yang dibincangkan. Semua aktiviti yang dilakukan ini telah dirumuskan dalam kit media yang dihasilkan. Kit media ini secara tidak langsung dapat menjadikan suasana pdpc lebih berpusatkan kepada pelajar dan bersifat interaktif. Unsur gamifikasi yang dimasukkan dalam kit media ini juga dapat menarik minat pelajar untuk mengikuti pdpc yang dijalankan dalam keadaan yang lebih kondusif dan menyeronokkan.

## **Penutup**

Kajian ini bertujuan untuk memperkenal formula pola ayat dalam penulisan teks dalam kalangan bukan penutur bahasa Arab. Data menunjukkan pelajar mengalami masalah dalam mengaplikasi teori-teori yang mereka pelajari dalam penulisan teks bahasa Arab. Formula penulisan ayat ini mengadaptasi teori sosial yang menggabungkan antara teori behaviorisme dan kognitif yang terkenal dengan pendekatan pembelajaran melalui modul pemodelan. Melalui teori formula pola ayat ini, pelajar didedahkan dan dibimbing dengan menggunakan pendekatan yang mudah dan ringkas. Keseluruhan pelajar mampu untuk mengaplikasikan teori-teori yang mereka pelajari dalam penulisan teks secara efektif dengan menggunakan pendekatan formula pola ayat. Penggunaan kit media dalam model formula ayat kata kerjaan bahasa Arab dalam aktiviti pdpc bahasa Arab merupakan satu medote alternatif berkesan yang dapat digunakan untuk memahirkan pelajar dalam membina ayat kata kerjaan dalam bahasa Arab dengan suasana pdpc yang menarik dan menghiburkan. Model ini berupaya untuk memberi nafas baru untuk aktiviti pdpc bahasa Arab yang sebelum ini lebih bersifat stereotaip, klasik dan membosankan.

## **Penghargaan**

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) Universiti Pendidikan Sultan Idris UPSI, bagi pembiayaan Geran Penyelidikan Universiti (GPU) 2018 dibawah tajuk Pengajaran Nahu Arab Berdasarkan Modul Formula Pola Ayat Dalam Kalangan Pelajar ISM Bahasa Arab Dengan Pendidikan UPSI. Kod Penyelidikan 2018-0188-107-01.

## **Rujukan**

- ‘Abd al-Salam Harun. (2009). *Kitab Sibawieh*. Kaherah: Maktabat al-Khanjiy li Nasyar wa Tawzi’.
- Albert Bandura. (1986). *Social Learning Theory (on-line)*. Muat turun pada 6 Oktober 2016 daripada <https://www.learning-theories.com/social-learning-theory-bandura.html>.
- Ashinida Aladdin. Afendi Hamat. Mohd Shabri Yusof. (2004). *Penggunaan PBBK (Pembelajaran Bahasa Berbantuan Komputer) dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab sebagai bahasa asing: Satu tinjauan awal*. GEMA Online™ Journal of Language Studies Vol.4 (1)2004.
- Asmah Haji Omar. (2004). *Penyelidikan, Pengajaran dan Pemupukan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cyril Brom, Michal Preuss & Daniel Klement. (2011). Are Educational Computer Micro-Games Engaging and Effective for Knowledge Acquisition at High-Schools? A Quasi-Experimental Study. *Computers & Education* 57(3): 1971-1988.
- Dick, W. & Carey, L. (1996). *The Systematis Design of Instruction*. New York: Harper Collins.
- Foulger, T. S., Burke, D., Williams, M. K., Waker, M. L., Hansen, R., & Slykhuis, D. A. 2013. Innovators in teacher education: Preparation curriculum. *Journal of Digital Learning in Teacher Education*, 30(1), 21–29.
- Hamizul Mohd & Nik Mohd Rahimi. (2015). Design and Development of Arabic Online Games – A Conceptual Paper. *Procedia Social and Behavioral Sciences*. Volume 174, 12 February 2015. 1428-1433.
- Juan C Burguillo. (2010). Using Game Theory and Competition-Based Learning to Stimulate Student Motivation and Performance. *Computers & Education* 55(2): 566-575.
- Kristan Harris. Denise Reid. (2005). The Influence of Virtual Reality Play on Children's Motivation. *Canadian Journal of Occupational Therapy*. 72(1): 21-30.

- Leslie L Miller. Ching I Chang. Shu Wang. Margaret E Beier. Yvonne Klisch. (2011). Learning and Motivational Impacts of a Multimedia Science Game. *Computers & Education* 57(1): 1425-1433.
- Maimun Aqsa Lubis. (1997). *Satu Perbandingan Kesan Tiga Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Terhadap Pencapaian Kemahiran Bahasa di Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa*. Tesis Ph. D yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia: Selangor.
- Martin Ebner & Andreas Holzinger. (2007). Successful Implementation of User-Centered Game Based Learning in Higher Education: An Example from Civil Engineering. *Computers & Education* 49(3): 873-890.
- Micheal D Dickey. (2010). Murder on Grimm Isle: The Impact of Game Narrative Design in an Educational Game-Based Learning Environment. *British Journal of Educational Technology* 42(3): 456-469.
- N.S. Rajendran. (2001). Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi: Kesediaan Guru Mengendalikan Proses Pengajaran Pembelajaran. *Kertas kerja dalam Seminar/Pameran Projek KBKK: Poster 'Warisan-Pendidikan' anjuran Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia*.
- Nazri Atoh, Saipolbarin Ramli, Zawawi Awang Hamat. (2014). *Guru Bahasa Arab Yang Berkualiti: Satu Tinjauan Awal*. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia: Selangor.
- Nurkholis. (2015). *Penggunaan Media Dalam Pembelajaran bahasa Arab*. Journal Tarbawiyah. Vol. 12, No. 01, Edisi Januari – Juni 2015
- Nur Syamira Abdul Wahab. Maimun Aqsha Lubis. Ramlee Mustapha. Aisyah Sjahrony. Dedek Febrian. (2017). *Kefahaman Al-Quran Dan Jawi Melalui Permainan Bahasa Bermultimedia*. ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J). Volume 1(1) January 2017, 41-53.
- Nurul Afifah Mohd Saadan, Harun Baharudin, Maimun Aqsha Lubis, NorSuziana Awang, Anis Nabihah Alias. (2015). Penggunaan Ez-Arabic Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Kanak-Kanak. *Proceeding the 8th International Workshop and Conference of Asean Studies on Islamic and Arabic Education and Civilization*. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia: Selangor.
- Rapidah Hamzah. (2002). *Kesan Pembelajaran Berasaskan Laman Web Terhadap Miskonsepsi Pelajar Tentang Konsep Pembahagian Sel*. Kertas Projek 37-43. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Rahimi Md Saad, Zawawi Ismail, Wan Nordin Wan Abdullah. (2005). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Berdasarkan Web. *Kertas Kerja Seminar Penyelidikan Pendidikan*. Maktab Perguruan Baru Lintang Sarawak. 15-16.
- Raminah Sabran. (1987). *Kaedah Pengajaran Bahasa Malaysia*. Fajar Bakti Sdn. Bhd: Kuala Lumpur.
- Ridha Darmawaty & H. Ahmad Husaini HA. (2016). Google Apps for Education Untuk Pengajaran Bahasa Arab Pelajar Universiti. *Jurnal al-Maqayis Jurnal Kebahasa-arabian dan Pendidikan Bahasa Arab*. Vol.IV No. I, Januari-Juni 2016. 1-12.
- Saipolbarin Ramli. (2006). Memahirkan Murid Dalam Pembentukan Ayat Kata Kerja Dalam Bahasa Arab Melalui Kaedah Saipol Barin. *Prosiding Konvesyen Kajian Tindakan Negeri Perak*. Sektor Pengurusan Akademik. Jabatan Pelajaran Perak: Perak.
- Sharifah Alwiah Alsagoff (1986). *Ilmu Pendidikan: Pedagogi*. Kuala Lumpur: Heinemann (Malaysia) Sdn.Bhd.
- Shulman, L. S. (1986). *Paradigms and research programs for the study of teaching*. In M.C. Wittrock (Ed.), *Handbook of research on teaching*. New York: Macmillan.

- Siti Fatimah Ahmad. Ab Halim Tamuri. (2010). *Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-QAF*. Journal of Islamic and Arabic Education 2(2), 2010 53-64.
- Thomas W Malone. (1980). *What Makes Things Fun to Learn? : A Study of Intrinsically Motivating Computer Games*. Xerox, Palo Alto Research Center.
- Wen Hao Huang, Wen Yeh Huang & Jill Tschopp. (2010). Sustaining Iterative Game Playing Processes in Dgbl: The Relationship between Motivational Processing and Outcome Processing. *Computers & Education* 55(2): 789-797.
- Yien Jui Mei, Hung C M, Hwang G J & Lin Y C. (2011). A Game-Based Learning Approach to Improving Students'learning Achievements in a Nutrition Course. *Turkish Online Journal of Educational Technology (TOJET)*. 10(2).
- Zainol Abidin Ahmad. (2003). *Kemahiran Menulis Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu: Satu Kajian Kes*. Tesis Tidak diterbitkan. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.